

HOE AQUEOUS CREAM

Emulsifying Wax (9% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HOE AQUEOUS CREAM
2. Bagaimana HOE AQUEOUS CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan HOE AQUEOUS CREAM
4. Cara menggunakan HOE AQUEOUS CREAM
5. Semasa menggunakan HOE AQUEOUS CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HOE AQUEOUS CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang HOE AQUEOUS CREAM. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan HOE AQUEOUS CREAM berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang penggunaan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.
Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan HOE AQUEOUS CREAM

Ia juga boleh digunakan sebagai emolien dan perlindungan untuk keadaan kulit kering.

Bagaimana HOE AQUEOUS CREAM berfungsi

HOE AQUEOUS CREAM dibuat daripada campuran lilin pengemulsi dan air, dan digunakan kedua-duanya untuk melembapkan kulit.

Sebelum menggunakan HOE AQUEOUS CREAM

Bila tidak boleh menggunakannya

Jangan menggunakan HOE AQUEOUS CREAM:

- jika anda mempunyai alahan kepada Emulsifying Wax atau apa-apa bahan dalam ubat ini.

-Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda hamil, menyusu atau bercadang untuk hamil.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba). Tiada interaksi HOE AQUEOUS CREAM dengan ubat lain yang diketahui.

Cara menggunakan HOE AQUEOUS CREAM

Sentiasa menggunakan HOE AQUEOUS CREAM seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa banyak harus digunakan

Sebagai emolien:

- Gunakan dengan cermat pada kawasan yang terjejas dua atau tiga kali sehari.

Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Jika keadaan menjadi lebih teruk atau tidak bertambah baik selepas penggunaan produk ini seperti yang diarahkan, dapatkan nasihat doktor.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya dan teruskan penggunaan seperti biasa. Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda beberapa kali tersilap menggunakan lebih daripada yang anda perlu, jangan bimbang. Jika anda sapu terlalu banyak atau tertelan, ia boleh membuat anda tidak sihat. Berbincang dengan doktor anda atau pergi ke hospital secepat mungkin.

Semasa menggunakan HOE AQUEOUS CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru yang lain, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan HOE AQUEOUS CREAM.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan guna pada mata dan membran mukus (untuk kegunaan luar sahaja). HOE AQUEOUS CREAM boleh menyebabkan kerengsaan kulit. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau

ahli farmasi anda sebelum menggunakan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika kerengsaan atau sensitiviti berlaku, rawatan perlu dihentikan. Nasihat untuk berjumpa dengan doktor jika tidak bertambah baik.

Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, HOE AQUEOUS CREAM boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Seperti semua ubat-ubatan, sesetengah orang mungkin alah terhadap krim.

Jika kesan sampingan bertambah teruk atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersebut di atas, sila jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan HOE AQUEOUS CREAM

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Tutup dengan rapat.

Lindungi daripada cahaya terik.

Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna HOE AQUEOUS CREAM

HOE AQUEOUS CREAM adalah krim putih dan boleh didapati dalam 450g bekas plastik.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Emulsifying Wax 9%w/w

Bahan-bahan tidak aktif:
Chlorocresol, White Soft Paraffin, Liquid Paraffin dan Purified Water.

-Nombor MAL: MAL19911480XZ

**Pengilang dan Pemegang
Pendaftaran Produk**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

07/05/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)070518/00138